JPA(R)187/6/2-1 Klt.4 ( 44 ) Siri No. **850**

# KERAJAAN MALAYSIA

## PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2004

## SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM DAN PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM

### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/18, X20, X22, X24, X26 dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred X1, X2, X4, X6, X8, X10, X12 dan melaksanakan urusan pertukaran pelantikan selaras dengan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan baru tersebut dalam Klasifikasi Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim (X).

### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya diwujudkan satu pasukan penguatkuasaan maritim yang bersepadu yang dinamakan **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia** dan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Agensi baru ini antara lain dipertanggungjawabkan skop dan fungsi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan maritim, ketenteraman laut, mencari dan menyelamat, menghalang dan membenteras kesalahan, membantu di dalam kawalan dan pencemaran di kawasan maritim, pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pelantar dan sokongan *(platform and support services)* kepada mana-mana agensi berkaitan.

## SKIM PERKHIDMATAN BARU

3. Mengambil kira skop fungsi tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia itu, maka kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang tetap. Langkah ini diharap dapat memantapkan lagi pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara.

4. Skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru adalah seperti di **Lampiran A1** dan **A2**, contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B1**, **B2** dan **B3**, penghuraian skop tugas adalah seperti di **Lampiran C1** dan **C2** dan Jadual Gaji Matriks (JGM) adalah seperti di **Lampiran D**.

## PELAKSANAAN

5. Semua pegawai skim-skim perkhidmatan di jabatan/agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:-

5.1 **Skim Perkhidmatan Polis dan Tentera**

(a) Bagi pegawai dalam skim-skim perkhidmatan polis dan tentera, pertukaran pelantikan adalah dari gred/pangkat ke gred/pangkat yang setaraf:-

(i) Laksamana Pertama Gred Z28, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Gred YY26 dan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II Gred YY24 ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;

(ii) Kepten Gred Z26 dan Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 ke Kepten Maritim Gred X24;

(iii) Komander Gred Z24 dan Penguasa Polis Gred YY20 ke Komander Maritim Gred X22;

(iv) Leftenan Komander Gred Z22 dan Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 ke Leftenan Komander Maritim Gred X20;

(v) Leftenan Gred Z19/Z20 dan Penolong Penguasa Polis Gred YY15/YY16 ke Leftenan Maritim Gred X17/X18;

(vi) Leftenan Madya Gred Z17/Z18 dan Ketua Inspektor Gred YY14 ke Leftenan Madya Maritim Gred X16;

(vii) Leftenan Muda Gred Z15 dan Inspektor Gred YY11 ke Leftenan Muda Maritim Gred X13;

(viii) Pegawai Waran I Gred Z14 dan Sub-Inspektor Gred YY10 ke Pegawai Waran I Maritim Gred X12;

(ix) Pegawai Waran II Gred Z12 dan Sarjan Mejar Gred YY8 ke Pegawai Waran II Maritim Gred X10;

(x) Bintara Kanan Gred Z10 ke Bintara Kanan Maritim Gred X8;

(xi) Bintara Muda Gred Z8 dan Sarjan Gred YY6 ke Bintara Muda Maritim Gred X6;

(xii) Laskar Kanan Gred Z6 dan Koperal Gred YY4 ke Laskar Kanan Maritim Gred X4;

(xiii) Laskar Kelas I Gred Z4 dan Lans Koperal Gred YY2 ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2;

(xiv) Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 berkelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1; dan

(xv) Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1 setelah memenuhi syarat berkhidmat 6 tahun bagi pegawai berkelayakan PMR atau setaraf dan 15 tahun bagi yang berkelayakan Darjah 6.

5.2 **Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan**

(a) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan ijazah, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 54 ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;

(ii) pegawai awam Gred 48 atau 52 ke Kepten Maritim Gred X24;

(iii) pegawai awam Gred 44 ke Komander Maritim Gred X22; dan

(iv) pegawai awam Gred 41 ke Leftenan Maritim Gred X17, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T13 atau P2T12 atau P3T11 dan telah

berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Leftenan Komander Maritim Gred X20.

(b) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan STPM/diploma, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 32, 36 dan 38 ke Leftenan Madya Maritim Gred X16; dan

(ii) pegawai awam Gred 27 dan 29 ke Leftenan Muda Maritim Gred X13.

(c) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan SPM, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 26 ke Pegawai Waran I Maritim Gred X12;

(ii) pegawai awam Gred 22 ke Pegawai Waran II Maritim Gred X10;

(iii) pegawai awam Gred 18 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2; dan

(iv) pegawai awam Gred 17 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T8 atau P3T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2.

(d) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan PMR dan ke bawah, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 4, 12 dan 14 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1;

(ii) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 berkelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1; dan

(iii) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1 setelah memenuhi syarat berkhidmat 6 tahun bagi pegawai awam berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, dan 15 tahun bagi yang berkelayakan Darjah 6.

6. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

7. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan yang terlibat dengan fungsi tugas penguatkuasaan maritim di agensi sedia ada.

**PEMBERIAN OPSYEN**

8. Dengan terlaksananya skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik

melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat di jabatan/agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/18, X20, X22, X24, X26 dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred X1, X2, X4, X6, X8, X10, X12. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sedia ada.

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas di agensi yang fungsi tugasnya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang berada dalam keadaan berikut:-

(a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara; dan

(b) sedang bercuti.

12. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah

tamat.

13. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan dokumen yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran E1, E2, E3, E4, E5** dan **E6**.

14. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/kontrak/ sambilan.

15. Pegawai yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu pegawai awam Gred 1, 3, 11, Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 yang berkelulusan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap enam (6) tahun dan pegawai yang berkelulusan Darjah 6 yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap 15 tahun hendaklah diberi opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas seperti di **Lampiran F1, F2** dan **F3**.

**KAEDAH PELARASAN GAJI**

**Pegawai Penguat Kuasa Maritim**

16. Kaedah pelarasan gaji bagi pertukaran pelantikan pegawai daripada Kumpulan Sokongan berkelayakan STPM/diploma dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ke skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang baru ditetapkan seperti berikut:-

(a) pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);

(b) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(c) Laksamana Pertama Gred Z28, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Gred YY26 dan pegawai awam Gred 54 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X26 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(d) Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II Gred YY24 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred X26 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(e) pegawai awam Gred 52 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang satu pergerakan gaji biasa. Gajinya dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada sehingga layak dinaikkan pangkat ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;

(f) Kepten Gred Z26, Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 dan pegawai awam Gred 48 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X24 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak

kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(g) Komander Gred Z24, Penguasa Polis Gred YY20 dan pegawai awam Gred 44 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X22 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(h) Leftenan Komander Gred Z22 dan Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X20 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(i) Pegawai awam Gred 41 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T13 atau P2T12 atau P3T11 dan telah berkhidmat tidak kurang lapan tahun yang ditukar lantik ke Leftenan Komander Maritim Gred X20 ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-

    (i) pegawai awam yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

dan

(ii) pegawai awam yang berada di Peringkat 2 (P2) dan Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.

(j) Leftenan Gred Z19/Z20, Penolong Penguasa Polis Gred YY15/YY16 dan pegawai awam Gred 41 yang berada di matagaji P1T12 atau P2T11 atau P3T10 ke bawah yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X17/X18 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(k) Leftenan Gred Z19, Penolong Penguasa Polis Gred YY15 dan pegawai awam Gred 41 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred X17;

(l) pegawai awam Gred 36 dan 38 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang satu pergerakan gaji biasa. Gajinya dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada sehingga layak dinaikkan pangkat ke Leftenan Maritim Gred X18;

(m) Leftenan Madya Gred Z18, Ketua Inspektor Gred YY14 dan pegawai awam Gred 32 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X16 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan

yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(n) Leftenan Madya Gred Z17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X16 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-

   (i) pegawai yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

   (ii) pegawai yang berada di Peringkat 2 (P2) dan Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.

(o) Leftenan Madya Gred Z17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred X16;

(p) Leftenan Muda Gred Z15, Inspektor Gred YY11, pegawai awam Gred 27 dan 29 yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X13 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(q) Leftenan Muda Gred Z15, Inspektor Gred YY11, pegawai awam Gred 27 dan

29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred X13; dan

(r) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim**

17. Kaedah pelarasan gaji bagi pertukaran pelantikan pegawai Kumpulan Sokongan berkelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ke bawah daripada agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ke skim perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru ditetapkan seperti berikut:-

(a) Pegawai Waran I Gred Z14, Sub-Inspektor Gred YY10 dan pegawai awam Gred 26 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X12 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(b) Pegawai Waran II Gred Z12, Sarjan Mejar Gred YY8 dan pegawai awam Gred 22 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X10 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P)

berikutnya;

(c) Bintara Kanan Gred Z10 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X8 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(d) Bintara Muda Gred Z8 dan Sarjan Gred YY6 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X6 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(e) Laskar Kanan Gred Z6 dan Koperal Gred YY4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X4 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(f) Laskar Kelas I Gred Z4 dan Lans Koperal Gred YY2 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X2 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(g) pegawai awam Gred 17 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji

P1T9 atau P2T8 atau P3T7 atau pegawai awam Gred 18 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun, yang ditukar lantik ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2 ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-

(i) pegawai awam yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(ii) pegawai awam yang berada di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.

(h) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1 dan pegawai awam Gred 17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X1 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(i) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1 dan pegawai awam Gred 17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred X1;

(j) pegawai awam Gred 4, 12 dan 14 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi

berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(k) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1, pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat genap 6 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(l) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan Darjah 6 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat genap 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(m) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1, pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum genap 6 tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Laskar Kelas II Maritim Gred X1 sehari selepas

memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam tahun perkhidmatan;

(n) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan Darjah 6 dan belum genap 15 tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Laskar Kelas II Maritim Gred X1 sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap lima belas tahun perkhidmatan; dan

(o) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

18. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Julai 2005 atau 1 Oktober 2005 hendaklah diberi di jawatan asal pada 1 Julai 2005 sebelum diselaraskan ke jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat kelayakan atau tempoh perkhidmatan yang ditetapkan di perenggan 17(m) dan (n) di atas. Contoh pelarasan gaji bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran G1, G2, G3, G4, G5, G6, G7, G8** dan **G9.**

**TARIKH PERGERAKAN GAJI**

19. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya. TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau

bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

20. Peruntukan elaun dan kemudahan bagi perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan seperti berikut:-

(a) **Imbuhan Tetap Khidmat Maritim**

Imbuhan Tetap Khidmat Maritim ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

| **Pangkat** | **Kadar Sebulan (RM)** |
|---|---|
| Komander Maritim | 450.00 |
| Leftenan Komander Maritim | 195.00 |
| Leftenan Maritim | 170.00 |
| Leftenan Madya Maritim | 115.00 |
| Leftenan Muda Maritim | 115.00 |
| Pegawai Waran I Maritim | 80.00 |

| Pangkat | Kadar Sebulan (RM) |
|---|---|
| Pegawai Waran II Maritim | 80.00 |
| Bintara Kanan Maritim | 80.00 |
| Bintara Muda Maritim | 80.00 |
| Laskar Kanan Maritim | 80.00 |
| Laskar Kelas I Maritim | 80.00 |
| Laskar Kelas II Maritim | 80.00 |

(b) **Imbuhan Tetap Keraian**

Imbuhan Tetap Keraian ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

| Pangkat | Kadar Sebulan (RM) |
|---|---|
| Laksamana Pertama Maritim | 800.00 |
| Kepten Maritim | 550.00 |

(c) **Imbuhan Tetap Perumahan**

Imbuhan Tetap Perumahan ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

| Pangkat | Kadar Sebulan (RM) | | |
|---|---|---|---|
| | Semenanjung | Sarawak | Sabah/ Labuan |
| Laksamana Pertama Maritim | 900.00 | 900.00 | 900.00 |
| Kepten Maritim | 700.00 | 700.00 | 800.00 |

| Pangkat | Kadar Sebulan (RM) | | |
|---|---|---|---|
| | Semenanjung | Sarawak | Sabah/ Labuan |
| Komander Maritim | 575.00 | 575.00 | 700.00 |
| Leftenan Komander Maritim | 500.00 | 500.00 | 700.00 |
| Leftenan Maritim | 450.00 | 475.00 | 600.00 |
| Leftenan Madya Maritim | 420.00 | 450.00 | 580.00 |
| Leftenan Muda Maritim | 420.00 | 450.00 | 580.00 |
| Pegawai Waran I Maritim | 300.00 | 360.00 | 480.00 |
| Pegawai Waran II Maritim | 300.00 | 360.00 | 480.00 |
| Bintara Kanan Maritim | 275.00 | 330.00 | 435.00 |
| Bintara Muda Maritim | 275.00 | 330.00 | 435.00 |
| Laskar Kanan Maritim | 230.00 | 250.00 | 335.00 |
| Laskar Kelas I Maritim | 230.00 | 250.00 | 335.00 |
| Laskar Kelas II Maritim | 230.00 | 250.00 | 335.00 |

(d) **Elaun Lain**

(i) Pegawai dalam perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia layak dibayar Elaun Dan Kemudahan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi, Elaun Dan Kemudahan Kerana Bertukar Dan Berpindah serta Elaun Dan Kemudahan Kerana Berkursus berdasarkan pangkat. Syarat kelayakan dan kadar ditetapkan oleh Perbendaharaan.

(ii) Pegawai yang memilih terima tawaran opsyen perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan terus menjalankan tugas yang telah sedia dibayar elaun di agensi asal, boleh dibayar elaun berkenaan sekiranya menepati syarat kelayakan yang ditetapkan.

(iii) Pegawai yang memilih terima tawaran opsyen perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia tidak dibayar Bayaran Lebih Masa, Bayaran Insentif Khas PDRM, Elaun Perjalanan Dari Tempat Kediaman Ke Tempat Bertugas, Bayaran Insentif Pencegah dan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

(e) **Kemudahan**

(i) Kadar Cuti Rehat bagi pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

| **Pangkat** | **Perkhidmatan** | |
|---|---|---|
| | **Kurang 10 Tahun** | **Genap 10 Tahun** |
| Laksamana Pertama Maritim hingga Leftenan Maritim | 30 hari | 35 hari |
| Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran I Maritim | 25 hari | 30 hari |
| Pegawai Waran II Maritim hingga Laskar Kelas II Maritim | 20 hari | 25 hari |

(ii) Kelayakan dan kadar bayaran wad bagi pegawai perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan seperti berikut:-

| Pangkat | Kelayakan Wad | Bayaran Wad Sehari (RM) |
|---|---|---|
| Laksamana Pertama Maritim hingga Komander Maritim | Kelas I Bilik Seorang | 10.00 |
| Leftenan Komander Maritim hingga Leftenan Maritim | Kelas I Bilik Berdua | 8.00 |
| Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran II Maritim | Kelas I Bilik Bertiga atau lebih | 6.00 |
| Bintara Kanan Maritim hingga Laskar Kelas II Maritim | Kelas 2 | Percuma |

(iii) Pegawai dalam perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia terus layak menerima kemudahan lain yang diperuntukkan dalam perkhidmatan awam berdasarkan syarat yang ditetapkan.

**KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

21. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

(i) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat hendaklah diberi. Contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran E1, E2, E3, E4, E5** dan E**6**;

(ii) menyampaikan opsyen khas kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru dengan menggunakan borang opsyen khas. Contoh surat tawaran opsyen khas, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen khas adalah seperti di **Lampiran F1, F2** dan **F3**;

(iii) mengemas kini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan

(iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

(i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;

(ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan

(iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**

22. Skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2005**.

**PEMAKAIAN**

23. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini hanya untuk kegunaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaannya.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**( TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI )**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 31 Disember 2004

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Ketua Turus Angkatan Tentera

Ketua Polis Negara

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Audit Negara

# SKIM PERKHIDMATAN
# PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU) |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2005 |

| **Pangkat** | **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Leftenan Muda Maritim | Gred X13 | : | P1T1 RM1095.00 | - | P1T18 RM2525.22 |
| | | | P2T1 RM1150.66 | - | P2T18 RM2687.36 |
| | | | P3T1 RM1208.74 | - | P3T18 RM2854.34 |
| Leftenan Madya Maritim | Gred X16 | : | P1T1 RM2063.00 | - | P1T10 RM2955.98 |
| | | | P2T1 RM2272.33 | - | P2T10 RM3230.65 |
| Leftenan Maritim (Lantikan) | Gred X17 | : | P1T1 RM1746.00 | - | P1T20 RM3654.17 |
| | | | P2T1 RM1850.06 | - | P2T20 RM3827.20 |
| | | | P3T1 RM1957.75 | - | P3T20 RM4003.86 |
| Leftenan Maritim | Gred X18 | : | P1T1 RM1746.00 | - | P1T20 RM3654.17 |
| | | | P3T1 RM1957.75 | - | P3T20 RM4003.86 |
| Leftenan Komander Maritim | Gred X20 | : | P1T1 RM2572.00 | - | P1T14 RM3877.59 |
| | | | P2T1 RM2783.75 | - | P2T14 RM4183.72 |
| Komander Maritim | Gred X22 | : | P1T1 RM3682.00 | - | P1T9 RM4746.80 |
| | | | P2T1 RM3963.93 | - | P2T9 RM5115.85 |
| Kepten Maritim | Gred X24 | : | P1T1 RM4264.00 | - | P1T6 RM5165.45 |
| | | | P2T1 RM4646.36 | - | P2T6 RM5620.41 |
| Laksamana Pertama Maritim | Gred X26 | : | P1T1 RM4975.00 | - | P1T7 RM6172.90 |
| | | | P2T1 RM5399.71 | - | P2T7 RM6699.25 |

**SYARAT LANTIKAN** :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**Syarat Lantikan Ke Leftenan Muda Maritim Gred X13**

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam, undang-undang, perakaunan, sains, sains perikanan, sains samudera, sains komputer dan penternakan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T4); atau

(iii) diploma kejuruteraan laut, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrikal (perhubungan), kejuruteraan jentera (teknologi marin), kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekatronik, kejuruteraan komputer, seni bina, ukur, ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T5);

**Syarat Lantikan ke Leftenan Maritim, Gred X17**

(d) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T1); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T2); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian bidang sains nautikal, sains samudera, pengajian kelautan (maritimes studies), sains perikanan, alam sekitar, sains komputer, sains remote sensing dan geoinformatik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T2); atau

(iv) ijazah sarjana muda kejuruteraan laut, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrikal (perhubungan), kejuruteraan jentera (teknologi marin), kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekatronik, kejuruteraan komputer, seni bina, ukur bahan dan ukur yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T3); atau

(v) (1) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T5); atau

(2) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T5); atau

(3) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T6); atau

(4) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T7); atau

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 19(c) (v) dan (vi) di atas adalah seperti di Rujukan I].

(e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (f) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARIPADA PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Leftenan Muda Maritim, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

(b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan

(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

| | | |
|---|---|---|
| **PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN** | 3. | Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya. |
| **PENETAPAN GAJI PERMULAAN** | 4. | Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred X13 dan X17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| **TEMPOH PERCUBAAN** | 5. | Leftenan Muda Maritim dan Leftenan Maritim yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| **LATIHAN** | 6. | (a) Leftenan Muda Maritim dan Leftenan Maritim lantikan terus adalah dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim dari semasa ke semasa.<br><br>(b) Leftenan Muda Maritim yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim. |
| **GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN** | 7. | Leftenan Muda Maritim dan Leftenan Maritim lantikan terus yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan. |
| **KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN** | 8. | (a) Leftenan Muda Maritim dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim.<br><br>(b) Leftenan Maritim dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim.<br><br>(c) Leftenan Maritim yang mempunyai kelulusan profesional yang diiktiraf oleh kerajaan boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Undang-undang Tinggi dalam perkara-perkara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim dari semasa ke semasa setelah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. |
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 9. | Leftenan Muda Maritim dan Leftenan Maritim yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya. |

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

11. Pegawai Penguat Kuasa Maritim hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KEMAJUAN KE PANGKAT LEFTENAN MADYA MARITIM**

12. Leftenan Muda Maritim adalah layak dipertimbang untuk kemajuan ke pangkat Leftenan Madya Maritim apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan diperaku oleh Pegawai Memerintahnya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan ia telah membuktikan kebolehan untuk maju seterusnya dalam perkhidmatannya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN LEFTENAN MARITIM**

13. Leftenan Madya Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Leftenan Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan

(d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN LEFTENAN KOMANDER MARITIM**

14. Leftenan Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Leftenan Komander Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan

(d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KOMANDER MARITIM**

15 Leftenan Komander Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Komander Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KEPTEN MARITIM**

16. Komander Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Kepten Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN LAKSAMANA PERTAMA MARITIM**

17. Kepten Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Laksamana Pertama Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI**

18. Laksamana Pertama Maritim yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Lampiran A1**

RUJUKAN I

## SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN

(i) Ahli Institut Perakaunan Malaysia;

(ii) Ahli The Malaysian Association of Certified Public Accountants;

(iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England And Wales;

(iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Ireland;

(v) Ahli The Chartered Association of Certified Accountants (sebelumnya The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);

(vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Australia;

(vii) Ahli The Australian Society of Certified Practising Accountants;

(viii) Ahli The New Zealand Society of Accountants;

(ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;

(x) Ahli The Institute of Cost and Management Accountants (sebelumnya The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom);

(xi) Ahli The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (sebelumnya The Institute of Municiple Treasures and Accountants (United Kingdom);

(xii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Pakistan;

(xiii) Ahli The Institute of Cost and Management Accountants of Pakistan;

(xiv) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Scotland.

(Nota: Senarai ini berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2002, muka surat 323 - 325)

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2005 |

| Pangkat | Gred | | Jadual Gaji Matriks | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Laskar Kelas II Maritim | Gred X1 | : | P1T1 | RM690.00 | - | P1T21 | RM1512.80 |
| | | | P2T1 | RM732.35 | - | P2T21 | RM1579.35 |
| | | | P3T1 | RM775.91 | - | P3T21 | RM1647.11 |
| Laskar Kelas I Maritim | Gred X2 | : | P1T1 | RM1066.31 | - | P1T14 | RM1758.43 |
| | | | P2T1 | RM1180.05 | - | P2T14 | RM1935.09 |
| Laskar Kanan Maritim | Gred X4 | : | P1T1 | RM824.31 | - | P1T18 | RM1889.11 |
| | | | P2T1 | RM938.05 | - | P2T18 | RM2111.75 |
| Bintara Muda Maritim | Gred X6 | : | P1T1 | RM1164.32 | - | P1T15 | RM2096.02 |
| | | | P2T1 | RM1304.68 | - | P2T15 | RM2304.14 |
| Bintara Kanan Maritim | Gred X8 | : | P1T1 | RM1284.11 | - | P1T15 | RM2215.81 |
| | | | P2T1 | RM1424.47 | - | P2T15 | RM2423.93 |
| Pegawai Waran II Maritim | Gred X10 | : | P1T1 | RM1443.83 | - | P1T12 | RM2308.98 |
| | | | P2T1 | RM1612.02 | - | P2T12 | RM2557.03 |
| Pegawai Waran I Maritim | Gred X12 | : | P1T1 | RM1563.62 | - | P1T12 | RM2428.77 |
| | | | P2T1 | RM1731.81 | - | P2T12 | RM2676.82 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

      (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

      (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

**PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN**

2. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred X1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Laskar Kelas II Maritim yang dilantik secara terus adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**KURSUS INDUKSI/ LATIHAN**

5. Laskar Kelas II Maritim lantikan terus adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim dari semasa ke semasa.

**GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN**

6. Laskar Kelas II Maritim dalam tempoh percubaan yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Laskar Kelas II Maritim yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan latihan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Pegawai Memerintahnya.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KEMAJUAN KE PANGKAT LASKAR KELAS I MARITIM**

10. Laskar Kelas II Maritim adalah layak dipertimbang untuk kemajuan ke pangkat Laskar Kelas I Maritim apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan; dan

(b) mendapat sokongan daripada Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN LASKAR KANAN MARITIM**

11. Laskar Kelas II Maritim yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Laskar Kelas I Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Laskar Kanan Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah) atau Peperiksaan Ketukangan atau Sijil Kelautan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN BINTARA MUDA MARITIM**

12. Laskar Kanan Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bintara Muda Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN BINTARA KANAN MARITIM**

13. Bintara Muda Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bintara Kanan Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PEGAWAI WARAN II MARITIM**

14. Bintara Kanan Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Waran II Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PEGAWAI WARAN I MARITIM**

15. Pegawai Waran II Maritim adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Waran Kelas I Maritim yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**PEPERIKSAAN KHAS**

16. Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan telah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan boleh mengambil Peperiksaan Khas yang disyaratkan untuk lantikan ke jawatan Leftenan Muda Maritim.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE JAWATAN LEFTENAN MUDA MARITIM**

17. Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Leftenan Muda Maritim yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Penguat kuasa Maritim mengikut syarat yang ditetapkan.

**Lampiran B1**

# IKLAN JAWATAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | (a) | Nama Jawatan | : | **LEFTENAN MUDA MARITIM** |
| | (b) | Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun/Kuasa Tempatan | : | Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia |
| | (c) | Ketua Perkhidmatan | : | Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim |
| | (d) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Profesional, Sokongan (skim perkhidmatan bersepadu) |
| | (e) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim |

2. Gred dan Jadual Gaji

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Leftenan Muda Maritim Gred X13 | : | P1T1 RM1095.00<br>P2T1 RM1150.66<br>P3T1 RM1208.74 | - | P1T18 RM2525.22<br>P2T18 RM2687.36<br>P3T18 RM2854.34 |
| Leftenan Madya Maritim Gred X16 | : | P1T1 RM2063.00<br>P2T1 RM2272.33 | - | P1T10 RM2955.98<br>P2T10 RM3230.65 |
| Leftenan Maritim Gred X18 | : | P1T1 RM1746.00<br>P3T1 RM1957.75 | - | P1T20 RM3654.17<br>P3T20 RM4003.86 |
| Leftenan Komander Maritim Gred X20 | : | P1T1 RM2572.00<br>P2T1 RM2783.75 | - | P1T14 RM3877.59<br>P2T14 RM4183.72 |
| Komander Maritim Gred X22 | : | P1T1 RM3682.00<br>P2T1 RM3963.93 | - | P1T9 RM4746.80<br>P2T9 RM5115.85 |
| Kepten Maritim Gred X24 | : | P1T1 RM4264.00<br>P2T1 RM4646.36 | - | P1T6 RM5165.45<br>P2T6 RM5620.41 |
| Laksamana Pertama Maritim Gred X26 | : | P1T1 RM4975.00<br>P2T1 RM5399.71 | - | P1T7 RM6172.90<br>P2T7 RM6699.25 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam, undang-undang, perakaunan, sains, sains perikanan, sains samudera, sains komputer dan penternakan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T4); atau

(iii) diploma kejuruteraan laut, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrikal (perhubungan), kejuruteraan jentera (teknologi marin), kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekatronik, kejuruteraan komputer, seni bina, ukur, ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: P1T5);

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

(b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan

(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas: : Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat sokongan/pengurusan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamat; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan.

8. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

**Lampiran B2**

# IKLAN JAWATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) | Nama Jawatan | : **LEFTENAN MARITIM** |
| | (b) | Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun/Kuasa Tempatan | : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia |
| | (c) | Ketua Perkhidmatan | : Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim |
| | (d) | Kumpulan Perkhidmatan | : Pengurusan dan Profesional |
| | (e) | Klasifikasi Perkhidmatan | : Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim |

2. Gred dan Jadual Gaji

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Leftenan Maritim Gred X17 | : P1T1 | RM1746.00 | - | P1T20 | RM3654.17 |
| | P2T1 | RM1850.06 | - | P2T20 | RM3827.20 |
| | P3T1 | RM1957.75 | - | P3T20 | RM4003.86 |
| Leftenan Komander Maritim Gred X20 | : P1T1 | RM2572.00 | - | P1T14 | RM3877.59 |
| | P2T1 | RM2783.75 | - | P2T14 | RM4183.72 |
| Komander Maritim Gred X22 | : P1T1 | RM3756.50 | - | P1T9 | RM4821.30 |
| | P2T1 | RM4038.43 | - | P2T9 | RM5190.35 |
| Kepten Maritim Gred X24 | : P1T1 | RM4460.46 | - | P1T6 | RM5361.91 |
| | P2T1 | RM4842.82 | - | P2T6 | RM5816.87 |
| Laksamana Pertama Maritim Gred X26 | : P1T1 | RM4975.00 | - | P1T7 | RM6172.90 |
| | P2T1 | RM5399.71 | - | P2T7 | RM6699.25 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T1); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T2); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian bidang sains nautikal, sains samudera, pengajian kelautan (maritimes studies), sains perikanan, alam sekitar, sains komputer, sains remote sensing dan geoinformatik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T2); atau

(iv) ijazah sarjana muda kejuruteraan laut, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrikal (perhubungan), kejuruteraan jentera (teknologi marin), kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekatronik, kejuruteraan komputer, seni bina, ukur bahan

dan ukur yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T3); atau

(v) (1) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T5); atau

(2) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T5); atau

(3) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T6); atau

(4) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred X17: P1T7)

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

(b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan

(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

| | | |
|---|---|---|
| 7. Fungsi Bidang Tugas: | : | Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat pengurusan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamat; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan. |
| 8. Tarikh Tutup Permohonan | : | Nyatakan tarikh tutup permohonan. |

**Lampiran B3**

# IKLAN JAWATAN

1. (a) Nama Jawatan : **LASKAR KELAS II MARITIM**

   (b) Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

   (c) Ketua Perkhidmatan : Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim

   (d) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan

   (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim

2. Gred dan Jadual Gaji

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Laskar Kelas II Maritim Gred X1 | : | P1T1 RM690.00 | - | P1T21 | RM1512.80 |
| | | P2T1 RM732.35 | - | P2T21 | RM1579.35 |
| | | P3T1 RM775.91 | - | P3T21 | RM1647.11 |
| Laskar Kelas I Maritim Gred X2 | : | P1T1 RM1066.31 | - | P1T14 | RM1758.43 |
| | | P2T1 RM1180.05 | - | P2T14 | RM1935.09 |
| Laskar Kanan Maritim Gred X4 | : | P1T1 RM824.31 | - | P1T18 | RM1889.11 |
| | | P2T1 RM938.05 | - | P2T18 | RM2111.75 |
| Bintara Muda Maritim Gred X6 | : | P1T1 RM1164.32 | - | P1T15 | RM2096.02 |
| | | P2T1 RM1304.68 | - | P2T15 | RM2304.14 |
| Bintara Kanan Maritim Gred X8 | : | P1T1 RM1284.11 | - | P1T15 | RM2215.81 |
| | | P2T1 RM1424.47 | - | P2T15 | RM2423.93 |
| Pegawai Waran II Maritim Gred X10 | : | P1T1 RM1443.83 | - | P1T12 | RM2308.98 |
| | | P2T1 RM1612.02 | - | P2T12 | RM2557.03 |
| Pegawai Waran I Maritim Gred X12 | : | P1T1 RM1563.62 | - | P1T12 | RM2428.77 |
| | | P2T1 RM1731.81 | - | P2T12 | RM2676.82 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

(d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk) Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

4. Taraf Jawatan : Tetap

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 6. | Fungsi Bidang Tugas: | : | Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat sokongan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamat; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan. |
| 7. | Tarikh Tutup Permohonan | : | Nyatakan tarikh tutup permohonan. |

Lampiran C1

# PENGHURAIAN SKOP TUGAS
# PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/18, X20, X22, X24, X26.

## 2. PERINGKAT ORGANISASI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia peringkat Ibu Pejabat, Wilayah, Daerah, Pangkalan, Pos dan Stesen Udara.

## 3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat pengurusan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamat; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan.

## 4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Menguatkuasa undang-undang dan ketenteraman di bawah undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

4.2 Menyediakan dasar pandu arah dan melaksana dasar keselamatan Zon Maritim Malaysia.

4.3 Merancang pengurusan logistik dan perancangan operasi.

4.4 Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim, pengawasan udara dan pantai, pengawalan dan pencegahan pencemaran maritim, pencegahan dan

penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik.

4.5 Mempastikan kelancaran dan keberkesanan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621).

4.6 Mempastikan perkhidmatan pelantar dan sokongan kepada agensi-agensi yang berkaitan disediakan dengan cekap dan berkesan.

4.7 Mengumpul dan menilai maklumat risikan keselamatan serta mencadangkan peningkatan keberkesanan operasi.

4.8 Mempastikan kecekapan dan keberkesanan rondaan dan operasi maritim dan udara yang dijalankan di Zon Maritim Malaysia.

4.9 Melaksana dan meningkatkan mutu latihan anggota, latihan operasi dan latihan bersama di kawasan maritim negara.

4.10 Menjalin hubungan rapat dengan Jabatan/Agensi lain mengenai penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

## 5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Luaran
- orang awam
- jabatan / agensi kerajaan
- syarikat swasta
- jabatan / agensi maritim luar negara

5.2 Dalaman
- rakan sekerja di pejabat / bahagian / unit
- pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

## 6. PERSEKITARAN KERJA

6.1. Dalam dan luar pejabat termasuk di kawasan Zon Maritim Negara.

## 7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

7.1. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai semua undang-undang persekutuan di Zon Maritim Negara dan undang-undang maritim antarabangsa; dan

7.2. mempunyai kekompetenan dalam ilmu kelautan, perkapalan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

## 8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- bersih, cekap, amanah
- jujur
- bertanggungjawab
- berani, cekal dan sanggup menghadapi dugaan
- berminat dan berdedikasi

## 9. ANCAMAN / BAHAYA

- penyelewengan
- terdedah dengan unsur rasuah
- kepentingan diri
- penyeludupan
- penceroboh
- pendatang tanpa izin

Lampiran C2

# PENGHURAIAN SKOP TUGAS
# PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred X1, X2, X4, X6, X8, X10, X12

## 2. PERINGKAT ORGANISASI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia peringkat Ibu Pejabat, Wilayah, Daerah, Pangkalan, Pos dan Stesen Udara.

## 3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat sokongan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan; melaksanakan tugas mencari dan menyelamat; mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan; memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar; melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamat; mengawal dan mencegah pencemaran maritim; pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan.

## 4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Menguatkuasa undang-undang dan ketenteraman di bawah Undang-undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

4.2 Melaksanakan dasar pandu arah dan keselamatan Zon Maritim Malaysia.

4.3 Melaksanakan pengurusan logistik dan tindakan operasi.

4.4 Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim, pengawasan udara dan pantai, pengawalan dan pencegahan pencemaran maritim, pencegahan dan

penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik.

4.5 Melaksanakan arahan membantu dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621).

4.6 Membantu pengumpulan maklumat risikan keselamatan serta mencadangkan peningkatan keberkesanan operasi.

4.7 Melaksanakan rondaan dan operasi maritim dan udara di Zon Maritim Malaysia dengan cekap dan berkesan.

4.8 Melaksana dan meningkatkan mutu latihan anggota, latihan operasi dan latihan bersama di kawasan maritim negara.

4.9 Membantu jalinan hubungan dengan Jabatan/Agensi lain mengenai penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

## 5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Luaran
- orang awam
- jabatan / agensi kerajaan
- syarikat swasta
- jabatan / agensi matitim luar negara

5.2 Dalaman
- rakan sekerja di pejabat / bahagian / unit
- pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

## 6. PERSEKITARAN KERJA

6.1 Dalam dan luar pejabat termasuk di kawasan Zon Maritim Negara.

## 7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

7.1 Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai semua undang-undang persekutuan di Zon Maritim Negara dan undang-undang maritim antarabangsa; dan

7.2 Mempunyai kekompetenan dalam ilmu kelautan, perkapalan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

## 8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- bersih, cekap, amanah
- jujur
- bertanggungjawab
- berani, cekal dan sanggup menghadapi dugaan
- berminat dan berdedikasi

## 9. ANCAMAN / BAHAYA

- penyelewengan
- terdedah dengan unsur rasuah
- kepentingan diri
- penyeludupan
- penceroboh
- pendatang tanpa izin

Lampiran D

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LASKAR KELAS II MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X1**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA01000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X1**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 | T19 | T20 | T21 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 690.00 | 731.14 | 772.28 | 813.42 | 854.56 | 895.70 | 936.84 | 977.98 | 1019.12 | 1060.26 | 1101.40 | 1142.54 | 1183.68 | 1224.82 | 1265.96 | 1307.10 | 1348.24 | 1389.38 | 1430.52 | 1471.66 | 1512.80 |
| P2 | 732.35 | 774.70 | 817.05 | 859.40 | 901.75 | 944.10 | 986.45 | 1028.80 | 1071.15 | 1113.50 | 1155.85 | 1198.20 | 1240.55 | 1282.90 | 1325.25 | 1367.60 | 1409.95 | 1452.30 | 1494.65 | 1537.00 | 1579.35 |
| P3 | 775.91 | 819.47 | 863.03 | 906.59 | 950.15 | 993.71 | 1037.27 | 1080.83 | 1124.39 | 1167.95 | 1211.51 | 1255.07 | 1298.63 | 1342.19 | 1385.75 | 1429.31 | 1472.87 | 1516.43 | 1559.99 | 1603.55 | 1647.11 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LASKAR KELAS I MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X2**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA02000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X2**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1066.31 | 1119.55 | 1172.79 | 1226.03 | 1279.27 | 1332.51 | 1385.75 | 1438.99 | 1492.23 | 1545.47 | 1598.71 | 1651.95 | 1705.19 | 1758.43 |
| P2 | 1180.05 | 1238.13 | 1296.21 | 1354.29 | 1412.37 | 1470.45 | 1528.53 | 1586.61 | 1644.69 | 1702.77 | 1760.85 | 1818.93 | 1877.01 | 1935.09 |

# JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
## SOKONGAN

(RM SEBULAN)

**PANGKAT : LASKAR KANAN MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X4**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA04000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X4**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 824.31 | 877.55 | 930.79 | 984.03 | 1037.27 | 1090.51 | 1157.06 | 1223.61 | 1290.16 | 1356.71 | 1423.26 | 1489.81 | 1556.36 | 1622.91 | 1689.46 | 1756.01 | 1822.56 | 1889.11 |
| P2 | 938.05 | 996.13 | 1054.21 | 1112.29 | 1183.68 | 1255.07 | 1326.46 | 1397.85 | 1469.24 | 1540.63 | 1612.02 | 1683.41 | 1754.80 | 1826.19 | 1897.58 | 1968.97 | 2040.36 | 2111.75 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : BINTARA MUDA MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X6**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA06000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X6**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1164.32 | 1230.87 | 1297.42 | 1363.97 | 1430.52 | 1497.07 | 1563.62 | 1630.17 | 1696.72 | 1763.27 | 1829.82 | 1896.37 | 1962.92 | 2029.47 | 2096.02 |
| P2 | 1304.68 | 1376.07 | 1447.46 | 1518.85 | 1590.24 | 1661.63 | 1733.02 | 1804.41 | 1875.80 | 1947.19 | 2018.58 | 2089.97 | 2161.36 | 2232.75 | 2304.14 |

## JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
## SOKONGAN

(RM SEBULAN)

PANGKAT : BINTARA KANAN MARITIM

I. GRED GAJI SSM : X8

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA08000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM: X8

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1284.11 | 1350.66 | 1417.21 | 1483.76 | 1550.31 | 1616.86 | 1683.41 | 1749.96 | 1816.51 | 1883.06 | 1949.61 | 2016.16 | 2082.71 | 2149.26 | 2215.81 |
| P2 | 1424.47 | 1495.86 | 1567.25 | 1638.64 | 1710.03 | 1781.42 | 1852.81 | 1924.20 | 1995.59 | 2066.98 | 2138.37 | 2209.76 | 2281.15 | 2352.54 | 2423.93 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : PEGAWAI WARAN II MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X10**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA10000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X10**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1443.83 | 1522.48 | 1601.13 | 1679.78 | 1758.43 | 1837.08 | 1915.73 | 1994.38 | 2073.03 | 2151.68 | 2230.33 | 2308.98 |
| P2 | 1612.02 | 1697.93 | 1783.84 | 1869.75 | 1955.66 | 2041.57 | 2127.48 | 2213.39 | 2299.30 | 2385.21 | 2471.12 | 2557.03 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : PEGAWAI WARAN I MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X12**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA12000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X12**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1563.62 | 1642.27 | 1720.92 | 1799.57 | 1878.22 | 1956.87 | 2035.52 | 2114.17 | 2192.82 | 2271.47 | 2350.12 | 2428.77 |
| P2 | 1731.81 | 1817.72 | 1903.63 | 1989.54 | 2075.45 | 2161.36 | 2247.27 | 2333.18 | 2419.09 | 2505.00 | 2590.91 | 2676.82 |

## JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
## SOKONGAN

(RM SEBULAN)

PANGKAT : LEFTENAN MUDA MARITIM

I. GRED GAJI SSM : X13

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA13000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM: X13

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1095.00 | 1148.24 | 1201.48 | 1280.13 | 1358.78 | 1437.43 | 1516.08 | 1594.73 | 1673.38 | 1752.03 | 1830.68 | 1929.90 | 2029.12 | 2128.34 | 2227.56 | 2326.78 | 2426.00 | 2525.22 |
| P2 | 1150.66 | 1206.32 | 1288.60 | 1370.88 | 1453.16 | 1535.44 | 1617.72 | 1700.00 | 1782.28 | 1864.56 | 1967.41 | 2070.26 | 2173.11 | 2275.96 | 2378.81 | 2481.66 | 2584.51 | 2687.36 |
| P3 | 1208.74 | 1294.65 | 1380.56 | 1466.47 | 1552.38 | 1638.29 | 1724.20 | 1810.11 | 1896.02 | 2002.50 | 2108.98 | 2215.46 | 2321.94 | 2428.42 | 2534.90 | 2641.38 | 2747.86 | 2854.34 |

## JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
## SOKONGAN

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LEFTENAN MADYA MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X16**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA16000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X16**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 2063.00 | 2162.22 | 2261.44 | 2360.66 | 2459.88 | 2559.10 | 2658.32 | 2757.54 | 2856.76 | 2955.98 |
| P2 | 2272.33 | 2378.81 | 2485.29 | 2591.77 | 2698.25 | 2804.73 | 2911.21 | 3017.69 | 3124.17 | 3230.65 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LEFTENAN MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X17**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA17000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X17**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 | T19 | T20 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1746.00 | 1846.43 | 1946.86 | 2047.29 | 2147.72 | 2248.15 | 2348.58 | 2449.01 | 2549.44 | 2649.87 | 2750.30 | 2850.73 | 2951.16 | 3051.59 | 3152.02 | 3252.45 | 3352.88 | 3453.31 | 3553.74 | 3654.17 |
| P2 | 1850.06 | 1954.12 | 2058.18 | 2162.24 | 2266.30 | 2370.36 | 2474.42 | 2578.48 | 2682.54 | 2786.60 | 2890.66 | 2994.72 | 3098.78 | 3202.84 | 3306.90 | 3410.96 | 3515.02 | 3619.08 | 3723.14 | 3827.20 |
| P3 | 1957.75 | 2065.44 | 2173.13 | 2280.82 | 2388.51 | 2496.20 | 2603.89 | 2711.58 | 2819.27 | 2926.96 | 3034.65 | 3142.34 | 3250.03 | 3357.72 | 3465.41 | 3573.10 | 3680.79 | 3788.48 | 3896.17 | 4003.86 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LEFTENAN MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X18**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA18000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X18**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 | T19 | T20 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 1746.00 | 1846.43 | 1946.86 | 2047.29 | 2147.72 | 2248.15 | 2348.58 | 2449.01 | 2549.44 | 2649.87 | 2750.30 | 2850.73 | 2951.16 | 3051.59 | 3152.02 | 3252.45 | 3352.88 | 3453.31 | 3553.74 | 3654.17 |
| P2 | 1957.75 | 2065.44 | 2173.13 | 2280.82 | 2388.51 | 2496.20 | 2603.89 | 2711.58 | 2819.27 | 2926.96 | 3034.65 | 3142.34 | 3250.03 | 3357.72 | 3465.41 | 3573.10 | 3680.79 | 3788.48 | 3896.17 | 4003.86 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LEFTENAN KOMANDER MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X20**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA20000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X20**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 2572.00 | 2672.43 | 2772.86 | 2873.29 | 2973.72 | 3074.15 | 3174.58 | 3275.01 | 3375.44 | 3475.87 | 3576.30 | 3676.73 | 3777.16 | 3877.59 |
| P2 | 2783.75 | 2891.44 | 2999.13 | 3106.82 | 3214.51 | 3322.20 | 3429.89 | 3537.58 | 3645.27 | 3752.96 | 3860.65 | 3968.34 | 4076.03 | 4183.72 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM**
**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : KOMANDER MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X22**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA22000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X22**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **P1** | 3682.00 | 3815.10 | 3948.20 | 4081.30 | 4214.40 | 4347.50 | 4480.60 | 4613.70 | 4746.80 |
| **P2** | 3963.93 | 4107.92 | 4251.91 | 4395.90 | 4539.89 | 4683.88 | 4827.87 | 4971.86 | 5115.85 |

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : KEPTEN MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X24**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA24000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X24**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 4264.00 | 4444.29 | 4624.58 | 4804.87 | 4985.16 | 5165.45 |
| P2 | 4646.36 | 4841.17 | 5035.98 | 5230.79 | 5425.60 | 5620.41 |

## JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM
## PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : LAKSAMANA PERTAMA MARITIM**

**I. GRED GAJI SSM : X26**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : XA26000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005**

**JADUAL GAJI SSM: X26**

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P1 | 4975.00 | 5174.65 | 5374.30 | 5573.95 | 5773.60 | 5973.25 | 6172.90 |
| P2 | 5399.71 | 5616.30 | 5832.89 | 6049.48 | 6266.07 | 6482.66 | 6699.25 |

**Lampiran E1**

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

.........................................................

.........................................................

---

Fail Ruj:
Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)
Alamat : .......................................
.......................................

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan agensi hakiki)

.......................................................

.......................................................

Tuan/Puan,

**Tawaran Pertukaran Pelantikan Dari (nama skim perkhidmatan di agensi hakiki) Di ( nama agensi hakiki) Ke Skim Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Melalui Opsyen**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim berkuat kuasa pada 1 Januari 2005. Sehubungan itu tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim (X) dengan gaji RM........ Gred X........ mulai tarikh 1 Julai 2005.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E2**. Tuan/puan dihendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E3** seperti berikut dan jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada ......................

2.1 **Menerima Tawaran**:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran E3; atau

2.2 **Menolak Tawaran**:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran E3, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

-------------------------------------------------

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

Lampiran E2

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN DARI SKIM PERKHIDMATAN ...................................... KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM (UNTUK PEGAWAI TETAP SAHAJA)**

---

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Kerajaan telah memutuskan mewujudkan skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/X18, X20, X22, X24 dan X26. Dengan keputusan itu tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim ataupun jika menolak akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang. Opsyen ini adalah **muktamad**. | **OPSYEN** |
| 2. | Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. | **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN** |
| 3. | Tuan/puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang baru pada gred yang setaraf dengan jawatan tuan/puan di skim perkhidmatan asal. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubah suai mengikut skim perkhidmatan tersebut. | **JAWATAN YANG DITAWARKAN** |
| 4. | Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. | **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU** |
